

Graduan UMT 'laku' di pasaran kerja

KOSMO 06/05/08 Pg. 14

KUALA TERENGGANU - Sebanyak 45 peratus graduan daripada 2,000 pengambilan setiap semester di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) memperolehi pekerjaan dalam tempoh dua bulan selepas tamat pengajian.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Sulaiman Md. Yasin berkata, jumlah tersebut membuktikan graduan di UMT laku dan berdaya saing di pasaran kerja sebaik sahaja tamat peperiksaan akhir sebelum bergelar graduan.

Katanya, kebiasaan peratusan tersebut diukur hanya selepas enam bulan graduan keluar dari universiti.

"Kalau ikut peratusan dalam tempoh tersebut kita berjaya mencapai sehingga 70 peratus graduan berjaya memperolehi pekerjaan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Memandatangani Memorandum Persefahaman di antara UMT dengan Fakulti Kedoktoran Haiwan Universitas Airlangga, Surabaya di Rumah Universiti di sini semalam.

Tambahnya, daripada jumlah tersebut 15 peratus dienalpasti menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi manakala selebihnya masih mencari pekerjaan.

"Kita menasarkan sebanyak 80 peratus graduan akan memasuki alam pekerjaan dan selebihnya akan menyambung pengajian," jelasnya.

Sementara itu, sempena majlis itu, UMT akan menghantar tiga hingga lima orang pelajarnya selama sebulan ke Universiti Airlangga bagi menjalankan kajian dan penyelidikan.

Katanya senarai pendek telah dikeluarkan dan hasil kerjasama tersebut akan membolehkan pihaknya bertukar-tukar maklumat kajian terutama dalam bidang perikanan dan bioteknologi.